

**PERHUBUNGAN KESUSAHAN HARIAN
KEIBUBAAPAN DENGAN KEPUASAN HIDUP
IBU BAPA ANAK BERKEPERLUAN KHAS DAN
DAYA TAHAN SEBAGAI MODERATOR**



MOHD. SHARANI AHMAD

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**PERHUBUNGAN KESUSAHAN HARIAN
KEIBUBAAPAN DENGAN KEPUASAN HIDUP
IBU BAPA ANAK BERKEPERLUAN KHAS DAN
DAYA TAHAN SEBAGAI MODERATOR**



MOHD. SHARANI AHMAD

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI DOKTOR
FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

PENGAKUAN CALON

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali *nukilan*, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya

15 Ogos 2014

Mohd. Sharani Bin Ahmad
PS05-007-036



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : MOHD. SHARANI BIN AHMAD
NO. MATRIK : PS05-007-036
TAJUK : PERHUBUNGAN KESUSAHAN HARIAN KEIBUBAPAAN
DENGAN KEPUASAN HIDUP IBU BAPA ANAK
BERKEPERLUAN KHAS DAN DAYA TAHAN SEBAGAI
MODERATOR
IJAZAH : DOKTOR FALSAFAH (PSIKOLOGI)
TARIKH VIVA : 03 JANUARI 2014

DISAHKAN OLEH;

1. **PENYELIA UTAMA**

Prof. Madya Dr. Mohd. Dahlan Hj. Malek

Tandatangan



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2. **PENYELIA I**

Prof. Madya Dr. Murnizam Hj. Halik

3. **PENYELIA II**

En. Beddu Salam B. Baco

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, akhirnya dapat jua saya menyempurnakan kajian ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Falsafah (Psikologi). Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada Prof. Madya Dr. Mohd. Dahlan Hj. A. Malek, Prof Madya Dr. Murnizam Hj. Halik dan En Beddu Salam B. Baco selaku Penyelia Thesis PhD ini. di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan nasihat di sepanjang tempoh penulisan kajian ini. Tidak juga dilupakan kepada Profesor Md Shuaib Che Din dan Encik Ferlis Bullare @ Hj. Bahari di atas perkongsian ilmu dalam menyiapkan kajian ini. Hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalasnya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pensyarah SPKS yang telah banyak memberikan ilmu dan panduan di sepanjang pengajian saya. Tanpa kemurahan hati semua, mungkin sukar bagi saya untuk mencapai ke tahap ini.

Terima kasih juga saya tujukan kepada pihak ibu bapa yang menyekolahkan anak-anak mereka di sekolah sekitar Kota Kinabalu, Sabah serta guru-guru penyelia pendidikan khas yang telah memberikan kerjasama bagi menjayakan kajian ini dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menyempurnakan kajian ini.

Khas buat isteri tersayang, Siti Soyah Alias, terima kasih di atas segala pengorbanan dan kesabaran. Untuk Allahyarhamah ibu dan Allahyarham bapa tersayang, di titipkan Al-Fatehah terima kasih atas doa, didikan dan asuhan yang terlalu bermakna dalam menjalani kehidupan ini. Buat anak-anak tersayang, Zatil Syakirah, Zatil Zuhairah, Zatil Zahidah, Muhammad Adam, Zairul, Mohd. Khairul dan Hasan berusaha mengejar ilmu agar berjaya di dunia dan akhirat. Buat rakan-rakan seperjuangan terima kasih di atas segala bantuan dan tunjuk ajar. Allah jua yang membalas segala budi dan jasa kalian.

Sekian, terima kasih.

Mohd. Sharani Bin Ahmad
15 Ogos 2014

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengkaji kesusahan harian keibubapaan. Kajian ini juga mengenal pasti perhubungan antara kesusahan harian keibubapaan dengan kepuasan hidup. Kajian ini juga mengkaji peranan daya tahan yang bertindak sebagai moderator antara hubungan kesusahan harian keibubapaan dengan kepuasan hidup. Kajian ini dilakukan secara Model Gabungan Penjelasan Berurutan (MGPB). Persampelan bertujuan digunakan dalam Fasa Satu kajian ini. Ibu bapa anak berkeperluan khas di Kota Kota Kinabalu, Sabah diambil sebagai subjek kajian. Subjek dalam kajian terdiri daripada 246 ibu bapa (N=128 ibu dan N=118 bapa) dan umur purata 43 tahun. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah *Parenting Daily Hassles* untuk mengukur kesusahan harian keibubapaan ibu bapa, *the satisfaction with life scale* untuk mengukur kepuasan hidup ibu bapa dan *Family Hardiness Index* untuk mengukur daya tahan keibubapaan ibu bapa. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan *the Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 17 melibatkan peratus, frekuensi, min dan Sisihan Piawai, ujian-t, anova, korelasi pearson dan regresi berganda. Dalam Fasa Dua, persampelan dimensional digunakan. Temu bual mendalam (TBM) dilakukan. Empat soalan panduan digunakan dalam kajian. Lapan orang subjek (N = 4 ibu dan N=4 bapa) terlibat dalam temubual. Data kualitatif dinalisis secara verbatim. Keputusan menunjukkan 51.2 peratus (N=126) ibu bapa mengalami kesusahan harian keibubapaan dalam keibubapaan ibu bapa anak berkeperluan khas. Terdapat perbezaan yang signifikan kesusahan harian keibubapaan antara ibu dan bapa. Secara keseluruhan, terdapat hubungan negatif antara kesusahan harian keibubapaan dengan kepuasan hidup dalam kalangan ibu bapa anak berkeperluan khas ($r = -.133$). Daya Tahan diuji dalam hubungan antara kesusahan harian dengan kepuasan hidup. Walau bagaimanapun, daya tahan tidak boleh bertindak sebagai moderator ke atas hubungan antara kesusahan harian ibu bapa dengan kepuasan hidup ibu bapa. Bukti daripada temu bual mendalam menunjukkan faktor keagamaan seperti sabar dan syukur mempengaruhi ibu bapa dalam menangani kesusahan harian keibubapaan. Menggunakan data yang diperolehi, beberapa aplikasi dan cadangan juga disyorkan. Kesimpulannya, hasil daripada analisis kajian memberi implikasi bahawa kesusahan harian keibubapaan adalah salah satu prediktor utama dalam menjana ketidakpuasan hidup dalam kalangan ibu bapa anak berkeperluan khas. Seterusnya, kuasa faktor keagamaan memberi kuasa kepada ibu bapa sebagai strategi ketahanan yang realistik untuk mengatasi kesusahan harian keibubapaan dalam mengibubapakan anak berkeperluan khas.

ABSTRACT

RELATIONSHIPS BETWEEN PARENTING DAILY HASSLES AND LIFE SATISFACTION OF PARENTS WITH SPECIAL NEEDS CHILDREN AND HARDINESS AS MODERATORS

The main objective of this research was to study the parenting daily hassles. This study also to identify the relationships between parenting daily hassles and life satisfaction. This research also to study the role of hardiness as a moderator between the relationships of parenting daily hassles and life satisfaction. This study was done through Sequential Explanatory Mixed Methods Model (SEMMM). Purposive sampling was used in the first phase of the study. Parents of children with special needs in Kota Kinabalu, Sabah were chosen as subject for this study. The subject in the survey comprised 246 parents (N = 128 mothers and N = 118 fathers) and the average age was 43 years old. The instruments which was used for the research included the Parenting Daily Hassles to measure daily hassles of parents, The Satisfaction With Life Scale to measure life satisfaction of parents and Family Hardiness Index to measure hardiness in parenting. The data collected were analysed by using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 17 which involved percentages, frequencies, mean, standard deviatios, t-tests, anova, pearson correlations and multiple regressions. In the second phase, dimentional sampling was used. In-depth interviews (IDI) were conducted. Eight parents (N=4 mothers and N=4 fathers) were involved to be the interview subjects. The qualitative data were transcribed verbatimly. The result showed that 51.2 percents (N=126) of the parents were hassled in parenting their children with special needs. There were significant differences in the parenting daily hassles between mother and fathers. Overall, there was a negative relationships between parenting daily hassles and life satisfactions among parents of children with special needs ($r = -.133$). Hardiness was tested on the relationship between parenting daily hassles and life satisfaction. However, hardiness was unable to act as moderators towards the relationship between parenting daily hassles and life satisfaction. The evidence from the in-depth interviews also highlighted that religious factors such as patience and gratefulness may influence the ways parents cope up with the parenting daily hassles. Using the results obtained, some applications and suggestions were also recommended. To conclude, results from the analyses give an implication that parenting daily hassles is one of main predictor in generating dissatisfaction in life among parents of children with special needs. Furthermore, the power of religious factors empowers parents as realistic, hardy strategies to overcome parenting daily hassles in parenting children with special needs.

KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SINGKATAN NAMA/ISTILAH/SIMBOL	xvii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Permasalahan Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.3.1 Masalah Kesusahan Harian Keibubapaan Ibu Bapa	6
1.3.2 Pengurangan Kesusahan Harian Keibubapaan dalam Mencapai Kepuasan Hidup	8
1.3.3 Peranan Daya Tahan dalam Memperoleh Kepuasan Hidup	10
1.4 Tujuan Kajian	12
1.5 Kesignifikanan Kajian	12
1.6 Skop Kajian	14
1.7 Definisi	16
1.7.1 Kesusahan Harian Keibubapaan	16
1.7.2 Kepuasan Hidup	17
1.7.3 Daya Tahan (<i>Hardiness</i>)	18
1.7.4 Ibu bapa anak berkeperluan khas	19
1.7.5 Anak Berkeperluan Khas	20
1.8 Hipotesis	20

1.9	Kerangka Kerja Teoretikal	22
1.9.1	Model Perkembangan Sistematis Keluarga (Laszloffy, 2002)	23
1.9.2	Model Transaksional (<i>transactional</i>) (Lazarus dan Folkman, 1984)	23
1.9.3	Model kepuasan Hidup (Diener <i>et al.</i> , 1985)	24
1.9.4	Model Daya Tahan (McCubbin <i>et al.</i> , 1991)	26
1.10	Rumusan	29

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	30
2.2	Kesusahan Harian Keibubapaan	30
2.2.1	Tugas Harian	31
2.2.2	Tingkah Laku Anak	38
2.3	Kepuasan Hidup	44
2.4	Kajian-kajian Lepas hubungan Kesusahan Harian Keibubapaan dan Kepuasan Hidup	48
2.5	Peranan Daya Tahan dalam Hubungan antara antara Kesusahan harian keibubapaan dengan kepuasan hidup	55
2.6	Rumusan	61

BAB 3: METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	63
3.2	Rekabentuk Kajian	63
3.3	Isu Penggunaan Gabungan	64
3.3.1	Model <i>QUAL-quant</i>	64
3.3.2	Model <i>QUAN-qual</i>	65
3.3.3	Model <i>QUAN-QUAL</i>	65
3.4	Kaedah gabungan	66
3.4.1	Penjelasan berurutan (<i>Sequential Explanatory</i>)	67
3.5	Rumusan	71

BAB 4: TINJAU SELIDIK

4.1	Pendahuluan	73
4.2	Subjek Kajian	73

4.3	Instrumen Kajian	75
4.3.1	Soalan Demografi (Bahagian A)	76
4.3.2	<i>Kesusahan Harian Keibubapaan (Parenting Daily Hassles)</i> <i>(Bahagian B)</i>	76
4.3.3	Daya Tahan (<i>Family Hardiness Index</i>) Bahagian C	77
4.3.4	Kepuasan Hidup (<i>The satisfaction with life scale</i>) Bahagian D	78
4.4	Realibiliti Instrumen Kajian	79
4.5	Kesahan (<i>Validity</i>) Instrumen Kajian	82
4.5.1	Kesusahan Harian Keibubapaan (<i>Parenting Daily Hassles</i>)	82
4.5.2	Indeks Daya Tahan Keluarga (<i>Family Hardiness Index</i>)	85
4.5.3	Skala Kepuasan dengan kehidupan (<i>Satisfaction with life scale</i>)	88
4.6	Tempat Kajian	89
4.7	Prosedur Kajian	90
4.7.1	Kajian Rintis	90
4.7.2	Kajian Sebenar	91
4.8	Analisis Data	92
4.9	Rumusan	95
BAB 5: TEMU BUAL MENDALAM		
5.1	Pendahuluan	96
5.2	Subjek Kajian	96
5.3	Instrumen Kajian	98
5.4	Realibiliti Instrumen Kajian	99
5.5	Kesahan (<i>Validity</i>) Instrumen Kajian	100
5.6	Tempat Kajian	100
5.7	Prosedur Kajian	100
5.7.1	Kajian Rintis	100
5.7.2	Kajian Sebenar	102
5.8	Analisis data	104
5.9	Rumusan	107

BAB 6: DAPATAN KAJIAN

6.1	Pendahuluan	108
6.2	Fasa Satu	108
6.2.1	Latar belakang subjek kajian	108
6.2.2	Dapatan Kajian	108
6.3	Fasa Dua	121
6.3.1	Latar belakang subjek kajian	121
a.	Subjek Ibu	121
b.	Subjek Bapa	124
6.3.2	Dapatan Kajian	127
i.	Tema 1: Tugas Harian Yang Menyusahkan	127
ii.	Tema 2: Cabaran Tingkah Laku Anak	134
iii.	Tema: Bebanan Emosi	142
6.4	Hasil dapatan penjelasan berurutan (<i>Sequential explanatory</i>)	151
6.4.1	Kesusahan harian keibubapaan ibu bapa	151
6.4.2	Perbezaan kesusahan harian keibubapaan	154
6.4.3	Hubungan kesusahan harian dengan kepuasan hidup	156
6.4.4	Peranan daya tahan sebagai moderator	157
6.5	Ringkasan	159
6.6	Rumusan	161

BAB 7: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

7.1	Pendahuluan	162
7.2	Kesusahan Harian Keibubapaan	162
7.2.1	Tugas Harian	162
7.2.2	Tingkah Laku Anak	164
7.3	Perbezaan Kesusahan Harian Antara Ibu dan Bapa secara keseluruhan	169
7.4	Perbezaan Kesusahan Harian Keibubapaan Ibu dan Bapa mengikut setiap Kategori berkeperluan khas anak	171
7.5	Perbezaan kesusahan harian Keibubapaan antara ibu dan bapa anak Berkeperluan Khas autistik, sindrom Down, ADHD dan terencat akal ringan	173

7.6	Hubungan Kesusahan Harian Keibubapaan Ibu Bapa dengan Kepuasan Hidup	174
7.6.1	Hubungan Kesusahan Harian Keibubapaan Ibu dengan Kepuasan Hidup	176
7.6.2	Hubungan Kesusahan Harian Keibubapaan Bapa dengan Kepuasan Hidup	177
7.7	Peranan daya tahan sebagai moderator	179
7.8	Kemunculan Tema Keagamaan	183
7.8.1	Sabar	183
7.8.2	Syukur	185
7.9	Rumusan	188
7.10	Implikasi Kajian	192
7.10.1	Implikasi Kepada Perkembangan Ilmu	192
7.10.2	Implikasi Kepada Ibu Bapa	193
7.10.3	Implikasi Kepada Komuniti	194
7.10.4	Implikasi Kepada negara	194
7.10.5	Implikasi Kepada Teori	196
7.11	Limitasi Kajian	197
7.12	Sumbangan	199
7.13	Cadangan	201
7.14	Penutup	203
	RUJUKKAN	205
	LAMPIRAN	226

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 4.1	Bilangan Item Soal Selidik Kajian	80
Jadual 4.2	Realibiliti Instrumen Kajian	81
Jadual 4.3	Komunaliti dan Nilai Eigen <i>Parenting Daily Hassles</i>	83
Jadual 4.4	Matriks Komponen Transformasi (<i>Component Transformation Matrix</i>)	83
Jadual 4.5	Faktor Matriks dan Pemberat Faktor Bagi Tiap-Tiap Item <i>Parenting Daily Hassles</i>	84
Jadual 4.6	Pecahan item mengikut faktor bagi alat kajian Kesusahan Harian Keibubapaan (<i>Parenting Daily Hassles</i>)	84
Jadual 4.7	Komunaliti dan Nilai Eigen <i>Famiy Hardiness</i>	86
Jadual 4.8	Faktor Matriks dan Pemberat Faktor Bagi Tiap-Tiap Item <i>Family Hardiness</i>	87
Jadual 4.9	Pecahan Item mengikut Faktor bagi alat kajian <i>The Family Hardiness</i>	88
Jadual 4.10	Komunaliti dan Nilai Eigen <i>The Satisfaction with Life Scale</i>	88
Jadual 4.11	Faktor Matriks dan Pemberat Faktor Bagi Tiap-Tiap Item <i>The Satisfaction With Life Scale</i>	89
Jadual 4.12	Pecahan Item Mengikut Faktor Bagi Alat Kajian <i>The Satisfaction With Life Scale</i>	89
Jadual 4.13	Jenis Statistik yang digunakan untuk menguji Hipotesis Yang Dibentuk Untuk Fasa Pertama	93
Jadual 4.14	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	95

Jadual 6.1	Analisis Deskriptif Item Kesusahan Harian Keibubapaan (Tugas Harian) Ibu	109
Jadual 6.2	Analisis Deskriptif Item Kesusahan Harian Keibubapaan (Tugas Harian) Bapa	110
Jadual 6.3	Analisis Deskriptif Item Kesusahan Harian Keibubapaan (Tingkah Laku Harian Anak) Ibu	111
Jadual 6.4	Analisis Deskriptif Item Kesusahan Harian Keibubapaan (Tingkah Laku Harian Anak) Bapa	112
Jadual 6.5	Perbezaan Kesusahan Harian Keibubapaan Antara Bapa dan Ibu Di Sekolah Rendah Pendidikan Khas Integrasi	113
Jadual 6.6	Perbezaan Kesusahan Harian Keibubapaan Ibu dan Bapa Anak Berkeperluan Khas (Autistik) Di Sekolah Rendah Pendidikan Khas Integrasi	114
Jadual 6.7	Perbezaan Kesusahan Harian Keibubapaan Antara Bapa Dan Ibu Anak Berkeperluan Khas (Sindrom Down) Di Sekolah Rendah Pendidikan Khas Integrasi	115
Jadual 6.8	Perbezaan Kesusahan Harian Keibubapaan Antara Bapa dengan Ibu Anak Berkeperluan Khas (ADHD) Di Sekolah Rendah Pendidikan Khas Integrasi.	116
Jadual 6.9	Perbezaan Kesusahan Harian Keibubapaan Antara Bapa dan Ibu Anak Berkeperluan Khas (Terencat Akal Ringan) Di Sekolah Rendah Pendidikan Khas Integrasi	117
Jadual 6.10	Perbezaan Kesusahan Harian Keibubapaan Ibu Bapa Anak Berkeperluan Khas Di Sekolah Rendah Pendidikan Khas Integrasi	117
Jadual 6.11	Korelasi Pearson Antara Kesusahan Harian Keibubapaan Dengan Kepuasan Hidup Ibu Bapa Anak Berkeperluan Khas	118

Jadual 6.12	Korelasi Pearson Antara Kesusahan Harian Keibubapaan Dengan Kepuasan Hidup Ibu Anak Berkeperluan Khas	119
Jadual 6.13	Korelasi Pearson Antara Kesusahan Harian keibubapaan Dengan Kepuasan Hidup Bapa Anak Berkeperluan Khas	119
Jadual 6.14	Pengaruh daya tahan yang bertindak sebagai moderator ke atas hubungan antara kesusahan harian Keibubapaan dengan kepuasan hidup ibu bapa anakberkeperluan khas	120
Jadual 6.15	Kemunculan tema keagamaan subjek ibu	158
Jadual 6.16	Kemunculan tema keagamaan subjek bapa	158
Jadual 6.17	Ringkasan Hasil Kajian Kuantitatif (Fasa Satu)	159



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	<i>The role of stress on life satisfaction</i> (Strachan, 2005)	27
Rajah 1.2	Kerangka Kerja Kajian "Perhubungan kesusahan harian keibubapaan dengan kepuasan hidup ibu bapa anak berkeperluan khas dan daya tahan sebagai moderator."	28
Rajah 2.1	Persepsi terhadap kesusahan harian	45
Rajah 2.2	Model menunjukkan hubungan antara tuntutan lingkungan dengan respon psikologi	46
Rajah 3.1	Model QUAN-qual	70
Rajah 4.1	Carta Aliran Subjek Kajian Untuk Fasa Satu	74
Rajah 5.1	Model proses koding	106
Rajah 7.1	Kemunculan Tema Keagamaan (sabar dan syukur)	200



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

		Halaman
Lampiran A	Borang Soal Selidik (Fasa Satu)	226
Lampiran B	Soalan Panduan (Fasa Dua)	233
Lampiran C	Kebenaran menggunakan alat kajian	234
Lampiran D	Pengesahan terjemahan Institute Terjemahan Negara Malaysia	236



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINGKATAN NAMA/ISTILAH/SIMBOL

SEMMM	<i>Sequential Explanatory Mixed Methods Deisgn</i>
MGPB	Model Gabungan Penjelasan Berurutan
TBM	Temu Bual Mendalam
I1	ibu anak autistik
I2	ibu anak sindrom Down
I3	ibu anak hiperaktif
I4	ibu anak terencat akal ringan
B1	bapa anak autistik
B2	bapa anak sindrom Down
B3	bapa anak hiperaktif
B4	bapa anak terencat akal ringan.
SPSS	<i>Statistical Package for Wndows</i>
Sig	Nilai Kesignifikanan
S.P	Sisihan Piawai
M	Nilai Min
T	Nilai t
r	Nilai Korelasi Pearson
R	Korelasi analisis regresi berganda
N	Bilangan Subjek
dk	darjah kebebasan
>	Lebih besar daripada
<	Lebih kecil daripada
=	Sama juga
X	Dharab
B	Nilai Beta
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
SRKPI	Sekolah Rendah Pendidikan Khas Integrasi
PKD	Pemulihan Dalam Komuniti

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam bahagian pengenalan ini, tajuk-tajuk yang akan dibincangkan ialah latar belakang permasalahan kajian, permasalahan kajian, tujuan kajian, kesignifikan kajian, skop kajian, definisi, hipotesis kajian dan kerangka kerja teoretikal.

1.2 Latar Belakang Permasalahan Kajian

Peranan ibu bapa dalam keibubapaan bukan hanya bergantung pada daya usaha, cekap, cergas dan produktif tetapi juga mampu memberi komitmen yang tinggi dalam melahirkan keluarga yang seimbang dan bersepadu dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelek (Cheshire, Barlow dan Powell, 2010; Grosswald, 2004). Peranan ibu bapa dalam menyeimbangkan dan menyepadukan keempat-empat elemen (rohani, jasmani, emosi dan intelek) untuk kecemerlangan keibubapaan sangat signifikan serta relevan dan perlu diberi perhatian serius.

Matlamat menjadikan ibu bapa yang berupaya menyumbang kepada mutu keibubapaan yang cemerlang dapat dicapai sekiranya ibu bapa tidak mengalami berbagai bentuk kesusahan harian keibubapaan. Akibat dari kesusahan harian keibubapaan, ibu bapa seringkali tidak berkemampuan untuk memberikan mutu keibubapaan yang dapat meningkatkan kualiti kecemerlangan dan kesejahteraan keluarga (Olsson dan Hwang, 2001; Seligman dan Darling, 2007).

Tanggungjawab sebagai ibu bapa dilihat sebagai satu tanggungjawab yang sering meletihkan dan banyak mengundang tekanan dan memberi kesan yang negatif kepada ibu bapa (Unsal-Delialioglu, Kaya, Ozel dan Gorgulu, 2009). Ini diakui juga oleh Pottie dan Ingram (2008) yang mendakwa tahap kesusahan harian keibubapaan ibu bapa semakin menjadi-jadi dan membimbangkan pada era yang kian mencabar ekoran bebanan tanggungjawab dan tugas yang semakin meningkat (Seligman dan Darling, 2007).

Kesusahan harian keibubapaan diakui oleh ramai pengkaji dalam bidang penyelidikan kesusahan harian (Evans dan Wachs, 2010; Byrne, Hurley, Daly, dan Cunningham, 2010; Fiese, Winter, Sliwinski, dan Anbar, 2007; Herring, Gray, Taffe, Tonge, Sweeney dan Einfeld, 2006). Kesusahan harian keibubapaan berkecenderungan untuk menyebabkan ibu bapa berada dalam keadaan murung, mengalami tekanan jiwa, kekecewaan dan kebimbangan. Ibu bapa yang gagal mengawal diri akibat kesusahan harian keibubapaan akan memberi kesan kepada perhubungan ibu bapa dengan anak (Resch, Mireles, Benz, Grenwelge, Grenwelge, Peterson dan Zhang, 2010). Perkara ini seterusnya boleh menjejaskan usaha mewujudkan sebuah keluarga yang mampu membawa keluarga sejahtera. Seterusnya kegagalan ibu bapa untuk berfungsi dengan baik juga akan memberi kesan kepada sumber pendapatan dan ekonomi keluarga. Sehubungan itu, dalam usaha memastikan bahawa kualiti keibubapaan akan terus cemerlang, ibu bapa perlu dapat mengawal diri daripada mengalami tekanan kesan daripada kesusahan harian keibubapaan tersebut.

Kesusahan harian keibubapaan yang dihadapi oleh ibu bapa disebabkan oleh pelbagai faktor. Fiese, Winter, Sliwinski dan Anbar (2007) menjelaskan kesusahan harian keibubapaan dilihat bukan hanya menjejaskan kelancaran menjalankan tanggungjawab sebagai ibu bapa tetapi lebih merupakan fungsi keseluruhan kehidupan. Antara faktor yang paling ketara ialah ketidakupayaan ibu bapa untuk berdaya tahan ke atas isu-isu keibubapaan yang berlaku dalam dunia yang pesat berubah. Ini kerana gelombang pembangunan pesat yang berlaku di negara ini dan juga seluruh dunia menyaksikan cabaran dan tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa semakin meningkat. Isu-isu keibubapaan seperti masalah disiplin anak-anak, bebanan tugas, masalah penjagaan, kekurangan masa, konflik peranan, kekaburan peranan, ketiadaan sistem sokongan sosial yang kuat dan rangkaian masalah yang lain yang tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan boleh menggugat kesejahteraan ibu bapa (Green, 2007; Hall dan Graff, 2010).

Kesan kesusahan harian keibubapaan ke atas variabel lain sering menarik perhatian pengkaji lepas dalam bidang ini. Antaranya ialah kesannya ke atas kepuasan hidup (Hasting dan Brown, 2002; Roger, 2007; Sawyer, Bittman, Greca,

Crettenden *et al.* 2011). Kegagalan memberi perhatian kepada kesusahan harian keibubapaan dan kesannya ke atas kepuasan hidup boleh memberi kesan kepada kualiti keibubapaan.

Dari sudut kepuasan hidup, kesusahan harian keibubapaan sering dilihat menjadi punca kepada manifestasi rasa tidak puas hati ibu bapa. Banyak kajian menunjukkan ibu bapa yang mengalami tahap kesusahan harian keibubapaan yang tinggi seringkali gagal untuk menikmati kepuasan hidup yang tinggi (Heller, Watson, dan Ilies, 2004; Monroe dan Hadjiyannakis, 2002). Rasa tidak puas hati ibu bapa akan menyumbang kepada penurunan kualiti kehidupan ibu bapa (Ones, Yilmaz, Cetinkaya dan Caglar, 2005; Simmerman, Blacher dan Baker, 2001), kepuasan hidup (Lavee dan Ben-Ari, 2008), dan seterusnya memberi kesan kepada kualiti keibubapaan ibu bapa (Hasting dan Brown, 2002; Roger, 2007; Sawyer, *et al.* 2011).

Satu aspek penting yang sering mendapat perhatian dalam kajian kesusahan harian keibubapaan selain daripada kepuasan hidup ialah aspek strategi berdaya tahan. Strategi berdaya tahan ke atas kesusahan harian keibubapaan dalam kalangan ibu bapa kini menjadi isu yang kerap kali dibincang dalam menjalankan tanggungjawab sebagai ibu bapa (Keller dan Honig, 2004; Margalit dan Kleitman, 2006; Mazur, 2006).

Kepentingan mempunyai strategi daya tahan yang baik adalah penting. Byrne *et al.*, (2010) berpendapat bahawa daya tahan dilihat sebagai satu faktor pengimbang dalam usaha individu untuk mengekalkan penyesuaian yang berbentuk psikososial ketika berada dalam keadaan yang tertekan. Daya tahan juga perlu sebagai satu usaha untuk menangani peristiwa dan situasi yang berbentuk ancaman dan cabaran. Selari dengan itu, Nesteruk dan Garrison (2005) mendapati bahawa berdaya tahan terhadap kesusahan harian keibubapaan kini menjadi semakin penting kerana kegagalan ibu bapa untuk berdaya tahan boleh memberi kesan negatif kepada kecemerlangan dan kesejahteraan rohani, jasmani, emosi dan intelek ibu bapa.

Kepelbagaian strategi berdaya tahan menyebabkan ibu bapa perlu bijak memilih strategi yang terbaik supaya ianya dapat disesuaikan dengan masalah yang dihadapi. Daya tahan yang kuat boleh mengurangkan tahap kesusahan harian keibubapaan. Ini kerana sebagai makhluk manusia yang hidup amat memerlukan kekuatan daya tahan yang baik. Keperluan berdaya tahan ini membawa kepada sikap kekuatan dan kekukuhan dalaman diri dalam mengurangkan kesusahan harian keibubapaan (Pengilly dan Dowd, 2000; Margalit dan Kleitman, 2006). Kewujudan sistem daya tahan yang kuat membolehkan ibu bapa bertenaga dalam menghadapi kesusahan harian keibubapaan. Individu akan berupaya untuk berdaya tahan ke atas kesusahan harian keibubapaan secara lebih efektif jika individu mempunyai kekuatan dalaman diri yang lebih berkesan (Ford-Gilboe dan Cohen, 2000). Bigbee (1992) menjelaskan beberapa kajian telah menekankan kepentingan mempunyai daya tahan yang positif untuk menjalani kehidupan yang sejahtera.

Selain daripada kajian kesusahan harian yang dilakukan ke atas ibu bapa, kajian kesusahan harian juga banyak dilakukan ke atas pekerja-pekerja lain seperti bidang kejururawatan (Suk-Hee Cheon, 2012); guru (Vanitha dan Akbar Husain, 2011), pekerja kilang (Norhaini Ismail, 2004, Swee, Anza dan Noor Hassim, 2007), anggota polis (Lim, 2002) dan pelajar (Suarez-Morales dan Lopez, 2009). Ini menunjukkan sememangnya terdapat kajian kesusahan harian ke atas anggota masyarakat yang lain.

Namun, persoalan yang timbul ialah kajian kesusahan harian yang dijalankan mempunyai kelemahan tersendiri. Antara kelemahan ketara yang dilihat ialah dari segi rekabentuknya di mana hampir kesemua kajian menggunakan rekabentuk soal-selidik (Misalnya; Strachan, 2005; *Statistic Canada*, 2008; Evans dan Wachs, 2010; Byrne, *et al.*, 2010; Yerys, Wallace, Sokoloff, Shook, James dan Kenworthy, 2009; Hadjiyiannakou, Ioannou dan Tziogkourous, 2007). Kajian yang berbentuk soal-selidik walaupun telah berjaya memajukan penyelidikan dalam bidang tekanan, ia mempunyai limitasinya tersendiri. Satu limitasi yang sangat ketara ialah dapatan kajian hanya akan dilihat dalam bentuk hubungan dan perbezaan. Dalam konteks ini, kajian yang berbentuk soal-selidik akan

menyukarkan proses mencari penjelasan kesusahan harian keibubapaan yang sebenarnya.

Dengan lain perkataan, kajian-kajian kesusahan harian keibubapaan yang telah dilakukan (misalnya; Strachan, 2005; Crnic, Gaze dan Hoffman, 2005) banyak menumpukan kepada kajian berbentuk soal-selidik yang melihat kepada punca-punca kesusahan harian keibubapaan dan hubungannya dengan faktor-faktor lain tetapi kajian tentang penjelasannya amat kecil sekali bilangannya. Secara khusus, kajian yang bertumpu kepada penjelasan untuk mengetahui kenapa kesusahan harian belum lagi menarik minat para pengkaji (Conyne dan Racioppo 2000). Oleh itu, kajian yang berfokus untuk mengetahui secara jelas kenapa kesusahan harian sangat perlu untuk memenuhi kekosongan yang seolah-olah wujud dalam penyelidikan bidang kesusahan harian keibubapaan.

Kajian kesusahan harian keibubapaan yang baik ialah kajian yang dapat mengetahui kenapa kesusahan harian keibubapaan serta bagaimana individu berdaya tahan mengurangkan kesusahan harian keibubapaan tersebut (Gupta dan Kaur, 2010). Selain daripada itu, ia juga perlu mempunyai metodologi penyelidikan yang lebih bersifat objektif, canggih dan juga mesra pengguna (Creswell dan Plano-Clark, 2011). Usaha ini penting untuk mengelakkan kajian dalam bidang kesusahan harian keibubapaan hanya tertumpu kepada kaedah soal-selidik. Stuart (2005) menjelaskan walaupun terdapat banyak intervensi pengurangan kesusahan harian keibubapaan yang berbentuk individu dan organisasi, apa yang berkurangan ialah penyelidikan yang berbentuk ketahanan diri (Svavarsdottir dan Rayens, 2005). Pendekatan ini juga dapat menjimatkan kos dari segi masa dan kewangan (Rathus, 2007; Roger, 2007).

Kesimpulannya, latar belakang permasalahan kajian ini bertumpu kepada kesusahan harian keibubapaan dan kesan-kesannya seperti kepuasan hidup dan daya tahan. Pemilihan ketiga-tiga pembolehubah ini adalah berdasarkan kepada perbezaan dari segi peranan dan tanggungjawab ibu bapa. Aspek penting lain ialah kebanyakan kajian lepas tentang kesusahan harian keibubapaan memaparkan

kajian berbentuk kuantitatif (Misalnya; Strachan, 2005; *Statistic Canada*, 2008; Evans dan Wachs, 2010; Byrne, *et al.*, 2010; Yerys *et al.*, 2009).

Kajian secara kualitatif tentang kesusahan harian keibubapaan tidak banyak dilakukan apatah lagi berlatarbelakangkan tempatan terutama yang fokus tentang kesusahan harian keibubapaan. Di sinilah letaknya kelompongan dalam kajian lepas tentang kesusahan harian keibubapaan (Hadjiyiannakou, Ioannou dan Tziogkourous, 2007). Data kuantitatif tidak mencukupi untuk menjelas dan menerangkan tentang satu-satu isu kajian (Creswell dan Plano Clark, 2011). Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan secara kaedah gabungan iaitu menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif seperti yang dicadangkan oleh Creswell dan Plano Clark (2011) dan Strachan (2005).

1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian ini dilihat dari tiga aspek. Aspek pertama ialah masalah kesusahan harian keibubapaan. Kedua, hubungan kesusahan harian keibubapaan dengan kepuasan hidup. Manakala yang ketiga ialah peranan daya tahan yang digunakan untuk menguji sejauh manakah peranannya dalam hubungan antara kesusahan harian keibubapaan ke atas kepuasan hidup.

1.3.1 Masalah Kesusahan Harian Keibubapaan Ibu Bapa

Permasalahan kajian yang pertama dalam kajian ini ialah masalah kesusahan harian keibubapaan. Masalah kesusahan harian keibubapaan menjadi satu ancaman dalam bidang keibubapaan. Ini diakui oleh banyak kajian yang membuktikan menjadi ibu bapa merupakan salah satu tanggungjawab yang sangat mencabar. Kesusahan harian keibubapaan yang tidak terkawal akan memberi kesan negatif kepada ibu bapa dan seterusnya memberi kesan kepada mutu keibubapaan. Ini dipersetujui oleh Azar dan Badr (2006) yang mengatakan kebanyakan ibu bapa menghadapi perasaan keraguan, kegelisahan dan keresahan ketika menjalankan tanggungjawab sebagai ibu bapa. Perasaan yang dialami bukan sahaja berlaku di rumah tetapi terbawa-bawa ke tempat kerja di dalam kehidupan seharian (Nesteruk dan Garrison, 2005). Perasaan ini sama ada diselesaikan sendiri oleh mereka atau mendapatkan sokongan sosial. Hastings dan Brown (2002) seterusnya